

**KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN (TNA)
BAGI KOPERASI KREDIT DI MALAYSIA**

**AZLIFAH ABAS
NOR AZLINA KASSIM
NOR ASLAMIAH ALI
FARAHAINI MOHD HANIF
JU SAMSUDDIN SAFIAN
SITI FATIMAH SAJADI**

FEBRUARI 2013

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan utama penyelidikan Kajian Analisis Keperluan Latihan bagi Kakitangan Koperasi Kredit di Malaysia ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti program latihan yang sesuai di kalangan kakitangan koperasi kredit secara amnya. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk menilai sikap dan pengetahuan kakitangan koperasi bahagian kredit, mengenal pasti jurang penilaian kemahiran sendiri dan penyelia kredit, mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan kompetensi dan seterusnya mengenal pasti bidang latihan yang diperlukan dan pendekatan latihan yang sesuai bagi kakitangan koperasi bahagian kredit. Hasil kajian ini penting bagi Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai garis panduan dalam merangka program latihan yang sesuai untuk semua koperasi di Malaysia. Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh gerakan koperasi dan pihak-pihak lain yang berkenaan dalam merangka strategi dan polisi ke arah mencapai matlamat yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020.

Sehingga 31 Disember 2011, terdapat sebanyak 589 koperasi kredit yang aktif di Malaysia. Sebanyak 136 koperasi adalah terdiri daripada koperasi berkluster besar dan sederhana yang memenuhi kriteria bagi kajian ini kerana koperasi-koperasi tersebut lebih banyak menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti yang dinyatakan dalam DKN 2011-2020. Ini merupakan Kajian eksploratori yang meliputi koperasi kredit kluster besar dan sederhana di Malaysia. Fokus kajian adalah kakitangan koperasi yang terlibat dengan pengurusan kredit. Sebanyak 72 koperasi kluster besar dan sederhana telah

mengembalikan sejumlah 196 borang yang lengkap untuk digunakan dalam analisis kajian ini. Bermakna, sampel kajian ini mewakili lebih daripada separuh koperasi kredit besar dan sederhana.

Hasil kajian menunjukkan penyelia berpuashati dengan kemahiran kakitangan mereka dalam lima jenis tugas di koperasi, khususnya yang berkaitan dengan tugas perkeranian seperti menyemak borang permohonan dan merekod maklumat peminjam dengan betul. Mereka juga yakin bahawa pekerja mampu berurusan dengan pelanggan dengan baik untuk menerangkan prosedur pinjaman kepada para peminjam dengan berkesan. Namun, penyelia berpendapat bahawa kakitangan mereka mempunyai kemahiran tahap sederhana untuk melaksanakan 13 tugas-tugas lain yang lebih mencabar, khususnya yang memerlukan mereka menyediakan laporan, surat menyurat dan meneliti maklumat berkaitan bayaran pinjaman tertanggung. Dari aspek sikap kakitangan koperasi, hasil kajian mendapati responden mempunyai keperibadian yang positif serta komitmen yang tinggi terhadap organisasi dan boleh bekerja secara berpasukan, tetapi kurang positif dari segi menepati janji dan dalam hal yang memerlukan sifat bertolak ansur.

Kajian ini juga menilai kaitan antara tahap pengetahuan dengan latar belakang responden, seperti tempoh perkhidmatan, usia, jantina, pendidikan dan juga kluster koperasi. Didapati hanya dua faktor yang ada kaitan dengan tahap pengetahuan, iaitu tahap pendidikan dan kluster koperasi. Kakitangan yang berkelulusan ijazah ke atas mempunyai tahap pengetahuan yang lebih baik berbanding yang lain. Sementara itu, kakitangan koperasi kluster sederhana lebih berpengetahuan berbanding mereka daripada koperasi kluster besar. Ini mungkin disebabkan kakitangan di koperasi sederhana perlu melaksanakan semua tugas kerana bilangan mereka tidak ramai berbanding di koperasi bersaiz besar, di mana setiap kakitangan mempunyai bidang tugas yang lebih khusus.

Hasil kajian ini sesuai diguna pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan gerakan koperasi. Khususnya, hasil kajian ini wajar digunakan sebagai garis panduan untuk mengenal pasti dan merangka program latihan yang sesuai di kalangan kakitangan koperasi kredit untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan koperasi secara keseluruhannya. Berdasarkan kajian ini, dicadangkan supaya kajian lanjutan Analisis Keperluan Latihan bagi koperasi fungsi lain

dapat dilaksanakan bagi mengenal pasti secara terperinci kandungan setiap latihan yang akan dijalankan